



Anwar menjawab soalan pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

Malaysia ajak rakan dagang gunakan mata wang tempatan

Inisiatif bantu kawal kejatuhan ringgit akibat terlalu bergantung kepada dolar AS

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia meneruskan perbincangan dengan beberapa negara bagi menggunakan nilai mata wang tempatan untuk berdagang, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, langkah bagi mengawal kejatuhan ringgit yang disebabkan faktor luaran, khususnya terkait ketergantungan kepada dolar Amerika Syarikat (AS) itu, turut dipersetujui beberapa negara termasuk China.

"Pada beberapa sidang (di luar negara), saya bincang dengan beberapa negara supaya kita gunakan nilai wang tempatan untuk berdagang dan China sambut baik.

"Sekadar 20 hingga 28 peratus pelaburan besar (membabitkan) puluh bilion ringgit itu tidak menggunakan dolar (sebaliknya) menggunakan ringgit, itu tidak menjejaskan kehilangan ringgit dan penyusutan ringgit (yang berterusan).

"Begitu juga Thailand yang kita percaya guna mata wang tem-

patan. (Sekarang) Indonesia, Thailand dan China, tetapi tak semua bidang (guna mata wang tempatan), terutama jika terbabit dalam komoditi perdagangan antarabangsa.

"Sebab itu kita juga cadang yang kita istilahkan sebagai 'dedolarization' kerana negara ASEAN dan Asia ketika saya bincang dengan Perdana Menteri Li Qiang di Nanning, ketergantungan kepada dolar menyebabkan nilai mata wang kita jatuh seperti juga berlaku kepada renminbi China dan yen Jepun," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Awang Hashim (PN-Pendang) mengenai keberkesanan langkah kerajaan dalam menangani impak kejatuhan nilai ringgit yang kian susut sehingga mencecah RM4.73 berbanding dolar AS.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, sukar untuk menghentikan penggunaan sepenuhnya dolar secara mendesak dalam perdagangan antarabangsa pada masa ini, namun Malaysia lebih aktif dan agresif menekankan keperluan meningkatkan penggunaan mata wang tempatan ini.

"Dengan (trend) kos import (naik) sebab kita import, namun eksport dan import tinggi dengan China, jadi ada pendekatan tingkatan keperluan guna wang tempatan dengan China," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, di sebalik penyusutan ringgit, Bank Negara Malaysia (BNM) mengunjurkan ekonomi negara bertambah meyakinkan menjelang akhir tahun ini.

Katanya, perkara itu dimaklumkan Gabenor BNM, Datuk Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour kelmarin berdasarkan data dan angka baharu diterima.

"Kita harap kejelasan dasar termasuk ekonomi dan pelaburan serta transisi tenaga yang semakin mendapat tarikan baharu ini membantu menarik pelaburan, sekali gus membantu memperkukuh kedudukan ringgit," katanya.

Anwar juga berkata, nilai ringgit tidak bergantung kepada fundamental ekonomi negara terutama ketika unjuran inflasi dan kadar pengangguran negara turun.

"Ia hanya tindakan AS menaikkan kadar. Jadi kita hadapi masalah ini, kemaruapan berlaku dan kita akui beberapa langkah diambil BNM dalam menetapkan eksport.

"Langkah lain diambil hanya dengan memperkuat ekonomi tempatan. (Kalau naikkan) kadar faedah, (seperti dilakukan) Indonesia, kalau ketimbang Kadar Dasar Semalaman (OPR) naik, dia (Indonesia) dapat menampung (kejatuhan rupiah), itu pun tak sepenuhnya.

"Tetapi, kita ambil dasar untuk tak naikkan OPR semata-mata ketimbang kenaikan dolar AS dan ini menyebabkan ringgit kita terjejas," katanya.